

11. _____ adalah salah satu cara bagi menggantikan wuduk. **(SP4.10.1) (TP2)**
 - A Menyapu air
 - B Merenjisikan air
 - C Tayamum
 - D Melekapkan tangan ke dinding
12. Antara berikut yang manakah sebab diharuskan tayamum? **(SP4.10.2) (TP3)**
 - I Sejuk yang boleh memudaratkan kesihatan
 - II Air berada di tempat yang terlalu jauh
 - III Telah masuk waktu solat
 - IV Tidak mahu menggunakan air
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
13. Perlu menentukan arah _____ sebelum bertayamum. **(SP4.10.3) (TP2)**
 - A kiblat
 - B menyapu debu tanah ke muka
 - C membaca niat
 - D mencari air
14. Rukun tayamum yang pertama ialah **(SP4.10.4) (TP2)**
 - A niat
 - B menyapu debu tanah ke muka
 - C tertib
 - D membaca basmalah
15. Salah satu sunat tayamum ialah merenggangkan jari tangan ketika menepuk _____. **(SP4.10.5) (TP2)**
 - A air
 - B debu tanah
 - C permukaan tanah
 - D dinding
16. Disunatkan seseorang untuk membaca _____ pada permulaan tayamum. **(SP4.10.6) (TP2)**
 - A basmalah
 - B takbir
 - C zikir
 - D doa
17. Sunat mendahulukan tangan _____ ketika hendak menyapu debu tanah ke tangan. **(SP4.10.7) (TP2)**
 - A kiri
 - B kanan
 - C bersih
 - D kedua-duanya
18. Salah satu syarat debu yang boleh digunakan untuk tayamum ialah _____. **(SP4.10.8) (TP2)**
 - A kotor
 - B tanah yang tidak berdebu
 - C tidak mustakmal
 - D bercampur dengan bahan lain
19. Berikut merupakan perkara yang membatalkan tayamum kecuali **(SP4.10.9) (TP3)**
 - A terdapat air sebelum solat dimulakan
 - B semua perkara yang membatalkan wuduk
 - C menggunakan debu yang suci dan tidak bernajis
 - D boleh menggunakan semula air
20. Hikmah disyariatkan tayamum adalah menunjukkan bahawa Allah kasih kepada hamba-Nya dengan memberi _____ untuk melakukan ibadat. **(SP4.10.10) (TP3)**
 - A kemudahan
 - B keringanan
 - C tatacara
 - D kebaikan

[20 markah]